



## MAQASID SHARIAH DALAM ADAB-ADAB MENUNTUT ILMU BERDASARKAN KITAB TA'LIM WAL MUTA'ALIM

*Muhammad Nur Ilman Razali\*, Muhammad Zahin Akram Sairozi, Mohamad Rahimeen Mohd Khalim,  
Muhammad Adib Moktar, Ahmad Fauzi Othman & Wan Mohd Yusof Wan Chik*  
[Nur.ilman96@gmail.com](mailto:Nur.ilman96@gmail.com)

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Menuntut ilmu merupakan perkara penting dalam diri setiap individu untuk mengetahui sesuatu perkara. Dalam tradisi umat Islam, menuntut ilmu dimulai dengan mempelajari adab kerana ia dapat menentukan seseorang menjadi manusia yang baik dan ia merupakan satu elemen yang paling penting dalam menuntut ilmu. Maka, sebarang kekurangan dalam aspek adab ini menyebabkan seseorang itu tidak seimbang dalam proses menuntut ilmu. Sebagai contoh, berlakunya isu yang sedang hangat diperkatakan mengenai seorang graduan universiti yang cuba mencetuskan hal yang tidak sepatutnya dilakukan pada hari konvoquesyen universiti beliau. **Objektif:** Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan tentang Maqasid Shariah di sebalik adab-adab menuntut ilmu berdasarkan kitab Ta'lim Wal Muta'alim. **Metodologi:** Kajian kepustakaan berasaskan kajian kualitatif ini menganalisis maklumat-maklumat yang diperolehi secara induktif dan deduktif melalui penilaian ilmu Maqasid Shariah. **Dapatan:** Kajian mendapati bahawa terdapat banyak aspek yang perlu difokuskan dalam pengaplikasian Maqasid Shariah dan perkara ini masih kurang pengaplikasiannya. **Kesimpulan:** Pengaplikasian Maqasid Shariah dalam adab-adab menuntut ilmu amat penting dalam kalangan diri penuntut ilmu kerana tiada penekanan tentang isu ini serta tiada pendedahan yang efektif terhadap perkara ini.

**Kata Kunci:** Ilmu, Maqasid Al-Shariah, Graduan, Adab.

---

### PENGENALAN

Islam amat menekankan pendidikan adab dalam kalangan umat manusia kerana adab menjadikan seorang Mukmin itu memiliki keperibadian dan akhlak yang tinggi. Islam menetapkan pelbagai adab seperti adab berguru, menjaga orang sakit, menziarah jenazah dan pergaulan seharian. Apabila setiap perbuatan berlandaskan adab dan akhlak yang baik, maka seseorang itu dapat meraih kecintaan Allah SWT.

Apabila berbicara mengenai adab, seseorang Mukmin perlu mengetahui bagaimana adab mereka dengan Allah SWT, Rasulullah SAW dan sesama makhluk. Contohnya, adab seorang mukmin dengan Allah SWT perlu difahami secara jelas bagaimana seseorang itu

bermuamalah dan melaksanakannya supaya mendapat keredaan Allah SWT. Ulama menekankan, adat bermuamalah dengan Allah SWT ialah menyembah-Nya dengan penuh ketaatan.

Dengan kata lain, ilmuwan dan alim ulama terdahulu mengambil masa lama untuk mempelajari adab sekurang-kurangnya 20 tahun sebelum mempelajari ilmu. Begitulah sifat dan adab alim ulama yang perlu dituruti oleh Mukmin pada hari ini. Kefahaman mengenai adab yang diterjemahkan melalui akhlak dan tingkah laku melahirkan keperibadian tinggi kerana sesuatu ilmu dipelajari berserta dengan adab yang baik mendapat kelebihan barakah serta kecintaan Allah SWT.

Bersabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَمُسْلِمَةٍ.

*Ertinya: Bermula menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap lelaki yang Islam dan perempuan yang Islam.*

Ketahui olehmu, bahawasanya tiada wajib atas tiap-tiap lelaki yang Islam dan perempuan yang Islam itu menuntut sekalian 'ilmu, bahkan wajib atasnya menuntut akan 'ilmu kelakuan dan iaitu 'ilmu Usuluddin dan 'ilmu Feqah.<sup>1</sup>

Mutakhir ini, terdapat isu yang sedang hangat diperkatakan mengenai seorang graduan universiti yang cuba mencetuskan hal yang tidak sepatutnya dilakukan pada hari konvokesyen universiti beliau. Selain perbuatan tersebut memalukan semua pihak, ia juga menggambarkan kekurangan adab sifat menghormati para pensyarah dan guru yang telah bertungkus lumus memastikan kejayaan beliau mendapatkan skrol pada hari tersebut.

Al-Imam Malik dikatakan sangat mengutamakan adab dalam pengajian beliau. Perkara ini dinukilkan oleh anak murid beliau iaitu Abdullah ibn Wahb yang menyebutkan:

---

<sup>1</sup> Pelita Penuntut, Terjemahan dari Risalah Ta'lim Wal Muta'alim, Al-Al'lamah Asy'Sheikh Burhanuddin Az Zarnuji, muka surat 5.

ما نَقَلْنَا مِنْ أَدَبِ مَالِكٍ أَكْثَرُ مِمَّا تَعَلَّمْنَا مِنْ عِلْمِهِ

*“Apa yang kami pelajari daripada adab Imam Malik itu lebih banyak dari apa yang kami pelajari dari ilmunya.”*

(al-Asbahani, Hilya al-Aulia’)

Abdullah Ibn Al-Mubarak pula menegaskan bahawa:

نحن إلى قليل من الأدب أحوج منا إلى كثير من العلم

*“Kita lebih memerlukan kepada adab (walau) sedikit berbanding dari memiliki ilmu yang menggunung.”*

(al-Khatib al-Baghdadi, al-Jami’ li Akhlaq al-Rawi).

## **SOROTAN LITERATUR**

Islam adalah agama yang syumul dan lengkap dalam segenap bidang kehidupan sama ada dalam konteks akidah, ibadat mahupun akhlak. Kesempurnaan ini jelas menunjukkan bahawa islam merupakan agama yang bukan hanya menekankan kepada spiritual semata-mata bahkan meliputi segenap bidang kehidupan. Namun, kesempurnaan tersebut bukanlah sesuatu yang dapat dicapai dengan mudah, sebaliknya ia memerlukan kepada suatu proses yang berpanjangan iaitu pembelajaran serta pengkajian. Begitu juga bagi seseorang muslim, kita perlu sentiasa muhasabah serta mengenal pasti segala kekurangan serta kelemahan bagi mengatur langkah pengislahan diri, masyarakat dan seluruh alam. Antara aspek yang paling ditekankan dalam islam ialah akhlak ataupun adab yang terpuji dan aspek ini saling berkait rapat dengan menuntut ilmu kerana ilmu tanpa adab ibarat api tanpa kayu bakar dan adapun adab tanpa ilmu itu ibarat ruh tanpa jasad (Syeikh Abu Zakaria Yahya). Sekiranya tidak selari keduanya maka akan pincanglah dan menjadi kurang sempurna.

Menurut Prof. Dr. Hamka, beliau menyatakan bahawa “kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan pada wajah dan pakaiannya”. Kata-kata ini jelas memberikan gambaran yang sangat bermakna kepada kita bahawa ilmu pengetahuan dan adab yang mulia sangat penting dalam kita menjalani kehidupan ini. Ilmu pengetahuan merupakan inti pati utama bagi pembangunan bangsa yang kuat

dan dihormati dengan disertai oleh adab yang baik untuk saling melengkapi. Untuk menjadi insan yang beriman dan bertakwa, islam menganjurkan agar kita memiliki ilmu yang dapat diperoleh melalui pendidikan yang sempurna ke arah pembinaan adab dan akhlak yang terpuji. Sehubungan dengan itu, baginda rasulullah saw ada bersabda yang bermaksud:

“Dari Anas Bin Malik ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Menuntut ilmu adalah satu kefarduan ke atas setiap muslim”.  
(Riwayat Al-Imam Ibnu Majjah).

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) pula menegaskan bahawa ilmu adalah prasyarat ke arah menjayakan cita-cita membangunkan sebuah negara bangsa yang maju, berwibawa dan cemerlang. Konsep adab juga amat berkait rapat dengan ajaran islam. Sebagai masyarakat melayu yang mengamalkan ajaran agama islam, kehidupan mereka sememangnya tidak terpisah dengan gesaan yang mewajibkan setiap umat islam mengamalkan ajaran dan cara hidup yang berlandaskan ajaran daripada Al-Quran Dan Al-Hadith. Adab dalam kehidupan mencakupi aspek pergaulan, tingkah laku, tutur kata, budi bahasa dan kesopanan yang kesemuanya mempunyai kaitan dengan pendidikan dan etika manusia itu sendiri. Pengertian dan huraian berkaitan adab begitu meluas sekali, di mana adablah yang menggambarkan sifat-sifat adil, kebijaksanaan dan hikmah, sekali gus adab menjadikan manusia sentiasa mengutamakan keadilan yang dicetuskan melalui hikmah dan kebijaksanaan. Hal ini sebenarnya melibatkan pengakuan dan amalan yang terpamer secara langsung dalam kehidupan seharian.

Menurut Za'ba, seorang ilmuwan dan sasterawan yang terkenal di tanah melayu kerap kali menyebut di dalam syairnya tentang kelebihan seseorang yang berilmu pengetahuan kerana ianya dapat menerangi hidup dan menjadi panduan agar manusia tidak berada dalam kesesatan. Tanpa menafikan adab yang perlu seiring ketika menuntut ilmu, za'ba menyatakan bahawa faedah atau manfaat bagi orang yang berilmu tiada hadnya dan dapat digunakan di mana-mana sahaja.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan secara amnya ialah untuk mengkaji Maqasid Shariah dalam adab-adab menuntut ilmu berdasarkan kitab Ta'lim Wal Muta'alim. Walau bagaimanapun, secara khususnya objektif utama kajian ini dijalankan ialah untuk:

1. Mengenal pasti Maqasid Shariah pengaplikasian adab-adab dalam menuntut ilmu.
2. Mengenal pasti adab-adab yang disenaraikan di dalam kitab Ta'lim Wal Muta'alim.
3. Mengenal pasti kesan-kesan tidak mengaplikasikan adab-adab dalam menuntut ilmu.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah Kualitatif adalah kaedah yang digunakan bagi kajian ini manakala reka bentuk pula berdasarkan pengolahan maklumat serta mentranskripsi buku-buku penulisan ilmiah dan juga bahan-bahan bacaan yang berkaitan. Hal ini adalah demikian kerana, untuk menjelaskan tentang Maqasid Shariah di sebalik adab-adab menuntut ilmu berdasarkan Kitab Ta'lim Wal Muta'alim.

Segala bahan bacaan dan rujukan telah dikumpul serta dikaji, kemudian diolah secara induktif dan deduktif. Teknik Induktif bermaksud mengumpulkan kesemua maklumat kemudian membuat satu kesimpulan atau teori dan nama teknik ini dalam Bahasa Arab dinamakan sebagai *Istiqra'*. Teknik Deduktif pula ialah satu kaedah dimana daripada satu teori kemudian dipecah-pecahkan kepada beberapa pecahan idea. Daripada kaedah dan teknik ini dapat menjelaskan tentang Maqasid Shariah di sebalik adab-adab menuntut menuntut ilmu berdasarkan Kitab Ta'lim Wal Muta'alim.

## **DAPATAN KAJIAN**

Ilmu adalah teras sistem nilai agama Islam dan menduduki tempat yang amat tinggi dalam pandangan alam, Syariah, akhlak dan tamadun Islam. Penekanan kepada ilmu dalam ajaran Islam jelas dalam sumber asas agama iaitu al-Quran dan ajaran Nabi Muhammad S.A.W (Sunnah) dan dalam ajaran semua tokoh Islam dari dahulu hingga sekarang. Penekanan kepada pembacaan, sebagai wahana penting dalam usaha keilmuan, dan pengiktirafan Allah S.W.T. sebagai sumber tertinggi ilmu pengetahuan manusia merupakan perkara awal yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W. yang ummi.

Surah al-Alaq (96), ayat 1-5 yang diakui oleh semua cendekiawan Islam sebagai wahyu pertama bagi baginda, bermaksud:

Bacalah (Wahai Muhammad)  
Dengan nama Tuhanu yang menjadikan,  
Menjadikan insan daripada segumpal darah  
Bacalah: Dan Tuhanmu Maha Pemurah  
Yang mengajar insan dengan pena  
Mengajar insan yang tidak diketahuinya.

Tanggungjawab keilmuan terletak kepada semua lelaki dan wanita yang waras akalnya, bukan bagi segolongan manusia sahaja. Nabi Muhammad s.a.w menyatakan dalam satu hadis yang terkenal akan kewajipan ini: Menuntut ilmu adalah satu kewajipan ke atas Muslim dan Muslimat. Menghuraikan hadis ini, Burhanuddin az-Zarnuji (awal abad ke-13 Masihi) dalam tulisannya yang terkenal, *Ta'lim al-Muta'allim – Tariq at-Ta'allum* menulis bahawa tidaklah menjadi kewajipan ke atas setiap orang Islam, lelaki atau perempuan, untuk mempelajari semua perkara. Kewajipannya ialah memperoleh ilmu mengikut hal ehwal kehidupannya dengan sempurna seperti yang dituntut oleh Islam, yang meliputi berbagai-bagai aspek kehidupan.

Secara realitinya, menuntut ilmu merupakan suatu perkara yang amat penting pada masa kini. Hal ini bertujuan untuk menjadikan suatu generasi atau tamadun itu menjadi bertambah baik dan maju dalam apa jua bidang yang diceburi. Dalam konteks kaca mata Islam, adab adalah suatu elemen yang amat dituntut dan diamalkan bagi setiap individu yang ingin mempelajari sesuatu ilmu, baik ilmu itu bersifat duniawi mahupun ukhrawi. Adab ini juga boleh mencerminkan sahsiah serta keperibadian seorang penuntut ilmu.

Berdasarkan Kitab *Ta'lim Al Mutaalim* nukilan Al-'Allamah Asy-Sheikh Burhanuddin Az-Zarnuji, beliau meletakkan beberapa adab yang perlu diamalkan oleh setiap individu dan ia sangat berkait rapat dengan Maqasid Syariah dalam kehidupan seharian. Antaranya:

## 1. Mengagungkan Ilmu

Seperti yang kita ketahui, seseorang penuntut ilmu itu hendaklah mengagungkan ilmu serta isi kandungan yang terdapat di dalamnya, membesarkan guru dan memuliakannya. Penulis kitab mengatakan bahawa ilmu yang dituntut itu tidak akan diperoleh melainkan dengan cara hormat dan ilmu itu sendiri tidak akan diperoleh melainkan dengan cara tidak menghormati para guru serta ilmu yang dituntut itu.

Di samping itu, istiaah memuliakan di atas adalah lebih baik daripada taat. Adakah kita tidak tahu bahawa manusia tidak akan menjadi kufur disebabkan dengan melakukan suatu perkara yang bermaksiat dan ia akan dianggap kufur disebabkan dengan cara tidak memuliakan guru yang memberi ilmu seperti meninggalkan segala suruhan Allah dan tegahan-Nya. Hal ini memberi gambaran bahawa seseorang penuntut ilmu itu akan mengambil remeh terhadap martabat dan kedudukan gurunya malah sering menghina. Penulis memberi pandangan bahawa seseorang yang mempelajari ilmu akan menjadi kufur jika ia bermula dengan sikap remeh-temeh dan ada unsur ingin menghina guru.

Oleh itu, mengagungkan ilmu ini adalah salah satu adab yang perlu disemai dalam diri setiap penuntut ilmu agar ilmu yang diperoleh dapat dipraktikkan dan mampu menjadikan diri seseorang itu menjadi lebih baik dan berilmu pengetahuan. Ini juga dapat dikaitkan dengan kepentingan Maqasid Syariah iaitu menjaga diri dan akal daripada segala perkara maksiat dan kemungkaran.

## 2. Menghormati Guru

Ulama-ulama terdahulu memberikan perhatian yang besar dalam masalah menghormati guru. Ini kerana menghormati dan mengagungkan guru adalah salah satu sebab keberkatan ilmu itu diperoleh. Keberkatan di dalam institusi pondok membawa istilah *Ziyadatul Khair* iaitu bertambahnya kebaikan yang bersifat kerohanian seperti kedamaian hidup dan kenikmatan beribadah.

Disebut tatacara menghormati guru atau kiai menurut Syaikh Burhanuddin dalam kitab *Ta'lim Muta'allim* menjelaskan,

ومن توقير المعلم أن لا يمشى أمامه، ولا يجلس مكانه، ولا يتدعى بالكلام عنده إلا بإذنه، ولا  
يكثر الكلام عنده، ولا يسأل شيئاً عند ملأته ويراعى الوقت، ولا يدق الباب بل يصبر يخرج  
الأستاذ.

*Maksudnya: Bahwa termasuk erti menghormati guru, iaitu jangan berjalan di depannya, duduk di tempatnya, memulai mengajak bicara kecuali atas perkenan darinya, dan menanyakan hal-hal yang membosankannya. Cukuplah dengan sabar menanti di luar hingga ia sendiri yang keluar rumah.*

Dalam proses menimba ilmu, seorang penuntut yang Muslim perlu ada sifat menghormati gurunya kerana daripada merekalah suatu ilmu itu diperoleh yang mana ia adalah sumber yang betul dan diperakui. Ia juga berkait rapat dengan cara mengagungkan ilmu itu sendiri.

Pada masa kini, kita dapat melihat kebanyakan penuntut ilmu yang terdiri daripada pelbagai lapisan peringkat umur seringkali mengabaikan adab ini baik di bangku persekolahan mahupun di peringkat universiti. Setiap hari kita dikhabarkan dengan isu-isu yang melibatkan murid-murid sekolah rendah mahupun menengah baik di dada-dada akhbar mahupun di media sosial seperti kes murid bersikap kurang ajar kepada guru ketika guru mengajar di dalam kelas, tabiat memonteng kelas, vandalisme pada kenderaan guru-guru dan banyak lagi. Malah ia berjangkit di peringkat universiti seperti isu yang sedang hangat menjadi bualan orang ramai iaitu isu graduan menonjolkan unsur yang bersifat provokasi semasa hari konvokesyen universiti berkenaan. Hal ini amat membimbangkan kerana generasi seperti inilah yang akan menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Oleh itu, sebagai seorang penuntut ilmu yang berlandaskan syariat Allah Taala perlu ia ketahui bahawasanya tanpa guru sesuatu ilmu yang bermanfaat itu tidak akan diperolehinya dan cara untuk memperoleh ilmu agar ia dapat diamalkan dan



disebar luas kepada orang lain adalah dengan menghormati guru tersebut baik ilmu itu untuk kegunaan di dunia atau untuk bekal di Akhirat. Dalam pada itu, secara tidak langsung akan meninggikan darjat orang yang berilmu pengetahuan serta menghormati gurunya.

### 3. Memuliakan Kitab

Sebagai seorang penuntut ilmu yang beragama Islam, memuliakan kitab dengan cara muthala'ah dan mengaji adalah sangat dituntut. Maka sebaiknya bagi penuntut ilmu itu perlu berwuduk sebelum menuntut ilmu supaya sentiasa dalam keadaan bersuci.

Diceritakan dalam kitab yang menjadi pedoman adab menuntut ilmu bagi para penuntut ini bahawa suatu hari Imam Al-Khulwaniy pernah berkata:

إنما نلت هذا العلم بالعظيم، فإني ما أخذت الكاغد إلا بطهارة

*"Hanya aku dapati bahawa ilmu-ilmuku ini adalah dengan mengagungkan. Sungguh aku tidak akan mengambil kertas belajarku kecuali dalam keadaan suci."*

Selain itu, jangan meletakkan sesuatu di atas kitab. Contohnya meletakkan kitab tafsir di atas kitab-kitab lain, meletakkan kaki di atas kitab atau melunjurkan kaki ke arah kitab. Hal ini kerana Sheikh Burhanuddin berkata di dalam kitabnya, seorang ulama' yang mengatakan terdapat seorang ahli fiqh yang meletakkan botol dakwat di atas kitab. Ulama' itu berkata "Tidak bermanfaat ilmumu, jika yang demikian itu tidak bermaksud meremahkan, maka tidak mengapa. Namun, lebih baik tidak letak di situ".

Tambahan lagi, penuntut perlu menulis catatan yang kemas dan tersusun di atas kitab. Ia juga termasuk di dalam konteks mengagungkan kitab. Sebagai contoh, ketika hendak membuat catatan dan ringkasan, tulisan tersebut perlulah jelas dari segi konteks ayatnya serta catatan tersebut tidak bertindih dengan tulisan asal yang terdapat di dalam kitab.

Abu Hanifah pernah mengetahui seorang yang tidak jelas tulisannya, lalu dia berkata:

لا تفرط خطك، إن عشت تدم وإمت تشتم

*Maksudnya: Jika nanti engkau semakin tua dan matamu rabun, maka tulisan yang tidak rapi dan tidak jelas akan sulit dilihat sehingga engkau akan menyesali perbuatanmu sendiri itu.*

Jelaslah bahawa ulama'- ulama' terdahulu amat menitikberatkan kemuliaan kitab yang menjadi panduan di dalam kehidupan seharian. Ulama' menjaga martabat keilmuan yang terkandung di dalam kitab-kitab dengan cara bersuci sebelum menuntut ilmu, menghormati kitab dengan tidak meletakkan sesuatu di atasnya serta menulis catatan dengan kemas dan teratur di dalam kitab.

#### **4. Jangan Memilih Ilmu Sendiri**

Sebagai penuntut ilmu, seharusnya tidak membuat pilihan sendiri terhadap ilmu yang dipelajari. Malah ia boleh ditentukan oleh guru atau murabbi kerana mereka telah belajar tentang suatu ilmu itu daripada guru-guru mereka yang terdahulu. Mereka juga lebih arif akan perihal sesuatu ilmu yang ingin diajarkan kepada anak murid sesuai dengan tahap kebijaksanaan mereka dalam bidang lapangan ilmu.

Shaikhul Imam Agung Ustadz Burhanul Haq Waddin r.a. berkata: "Para ilmuwan pada zaman dahulu dengan sukarela menyerahkan sepenuhnya urusan-urusan belajar kepada gurunya, buktinya mereka memperoleh kejayaan yang diidamkan, manakala kebanyakan penuntut ilmu pada zaman sekarang yang membuat pilihan sendiri, mereka gagal dalam mengejar cita-cita mereka dan tidak mampu mendapat ilmu dan fiqh".

Oleh itu, sebagai seorang penuntut ilmu yang berwibawa perlulah sentiasa mendampingi guru mereka untuk mengelakkan diri mereka daripada belajar bersendirian. Mereka juga perlu kerap bertanya tentang persoalan sesuatu ilmu

yang dibimbangi kesahihannya kepada guru mereka seperti pepatah Melayu ada mengatakan, 'malu bertanya sesat jalan'.

## **RUMUSAN**

Islam amat menghargai ilmu. Menuntut ilmu merupakan suatu kewajipan bagi setiap umat islam. Beradab dalam menuntut ilmu sangat perlu untuk dititik beratkan dalam apa jua keadaan. Hal ini kerana, sikap beradab semakin berkurangan pada pelajar-pelajar di masa kini. Para ulama' juga turut menitikberatkan mengenai adab-adab menuntut ilmu sebelum belajar. Salah satu titik kejayaan seseorang adalah sentiasa beradab ketika menuntut ilmu. Walau apa jua ilmu yang dipelajari, sebagai contoh, ilmu reka bentuk, ilmu kira-kira, ilmu perubatan dan banyak lagi. Setiap pelajar wajib beradab dengan gurunya.

Dalam penulisan agung "Ihya' Ulum Al-Din" karangan Hujjatul Islam, Imam Al-Ghazali, beliau telah membuat satu garisan panduan adab pelajar dalam menuntut ilmu. Dalam penulisannya, beliau telah mengenal pasti 10 panduan yang boleh dijadikan asas pedoman kepada para pelajar. Antaranya, menjauhi perkara-perkara yang boleh merosakkan akhlak yang murni, tidak terlalu terikat dengan hal-hal keduniaan, para pelajar tidak boleh bersikap angkuh dan bongkak terhadap golongan intelektual dan guru, mengelakkan diri mendengar perselisihan dan perbezaan pendapat, seseorang pelajar tidak boleh meninggalkan sesuatu disiplin ilmu yang terpuji, tidak memaksa untuk menguasai semua disiplin ilmu secara sekaligus, seseorang tidak boleh mencampur adukkan sesuatu cabang ilmu, pelajar perlu mengetahui hakikat dan objektif sesuatu disiplin ilmu, pelajar perlu bersikap ikhlas dalam menuntut ilmu dan setiap pelajar perlu mengetahui perkaitan ilmu yang dipelajari.

Beradab di hadapan guru adalah prinsip yang amat penting bagi seorang penuntut ilmu. Sebagai contoh, pada ulama' terdahulu ketika menuntut ilmu, mereka akan mempelajari adab sebelum mempelajari ilmu. Seperti Imam Al-Ghazali yang amat mementingkan adab dalam menuntut ilmu. Beliau telah mengkhususkan satu bab di dalam kitabnya, *Ihya' Ulum al-Din* khusus untuk mempelajari adab bersama guru. Sheikh Abdullah bin Mubarak pernah menyatakan: "Aku mempelajari adab menuntut ilmu selama 30 tahun, kemudian baru mempelajari ilmu", *Kitab Ghoyatul Nihayah fi Tobaqat al-Qira'*, 1/446.

Oleh itu, segala aspek yang di bincangkan di dalam kitab Ta'lim wal Muta'llim harus diambil cakra bagi setiap pelajar. Niat dalam belajar serta kesungguhan dan keikhlasan dalam menuntut ilmu adalah salah satu tunjang kejayaan. Selain itu, kita haruslah sentiasa menghormati guru, berlemah-lembut dan sentiasa patuh pada setiap arahan yang diberikan dari guru kita. Oleh yang demikian, kita akan dapat merasai keberkatan dan kejayaan dalam hidup kita. In sha Allah. Waallahu 'alam.